

PERATURAN AM DI MAKMAL DAN BENGKEL

Peraturan Umum:

1. Makan dan minum adalah tidak dibenarkan semasa berada di dalam makmal/bengkel.
2. Sentiasa pastikan kawasan tempat kerja anda adalah bersih dan kemas. Simpan beg dan barang-barang yang tidak diperlukan di rak/tempat yang sepatutnya.
3. Sentiasa memakai kot makmal (*lab coat*) semasa berada di dalam makmal / pakaian yang sesuai di bengkel. Hanya kasut bertutup penuh yang dibenarkan di makmal dan bengkel. Pastikan rambut sentiasa kemas (samada diikat sekiranya panjang) dan pastikan pakaian tidak mengganggu kerja yang akan dilakukan.
4. Pastikan kot makmal hanya dipakai di makmal dan bukan di kawasan universiti.
5. Pakai cermin mata keselamatan (*goggle*) atau pelindung muka semasa bekerja dengan bahan atau peralatan berbahaya.
6. Bagi penggunaan makmal/bengkel selepas waktu pejabat, pelajar dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berkaitan dan mendapatkan persetujuan dari penyelia dan juga pengurusan makmal terlebih dahulu. Semasa bekerja di luar waktu pejabat, adalah penting bagi pelajar untuk tidak bekerja secara sendirian. Pastikan ada rakan yang menemani. Waktu yang dibenarkan bagi permohonan luar waktu pejabat adalah sehingga 10.00 malam sahaja oleh itu, rancang kerja anda.
7. Sentiasa buang radas pecah / alat tajam ke dalam bekas yang bersesuaian dan diasingkan daripada sisa lain.

Penggunaan Bahan Kimia:

1. Sentiasa memakai sarung tangan semasa menggunakan bahan berbahaya atau beracun. Jangan sentuh mana-mana bahagian badan anda (menggaru muka / menyingkap rambut anda) dengan sarung tangan yang tercemar. Sarung tangan harus dibuang dengan betul selepas digunakan.
2. Jangan sentuh sebarang permukaan dengan sarung tangan yang tercemar kerana boleh menjaskannya orang lain (contoh seperti telefon atau pemegang pintu).
3. Pastikan tumpahan bahan kimia dibersihkan dan dapatkan nasihat sekiranya anda tidak tahu atau kurang pasti tentang cara menangani tumpahan bahan berbahaya.
4. Sentiasa bekerja di dalam kebuk wasap (*fume hood*) untuk bahan kimia mudah terbakar, reaktif dan toksik atau kerja yang menghasilkan aerosol atau bahan-bahan toksik.
5. Semasa bekerja di kebuk wasap, pastikan penghadang (*sash*) dalam keadaan serendah mungkin dan sentiasa bekerja ke arah bahagian dalam kebuk wasap.
6. Pastikan baca label bahan kimia sebelum guna dan jangan sekali-kali cuba melakukan sesuatu yang anda tidak pasti. Sila dapatkan nasihat penyelia atau pembantu makmal untuk sebarang kepastian.
7. Sentiasa tutup bahagian atas botol reagen sebaik sahaja digunakan dan letakkan kembali di tempat yang betul. Jangan simpan stok reagen untuk diri anda.
8. Semasa anda menyediakan reagen anda sendiri, pastikan anda melabelkannya dan simpan di tempat yang betul.
9. Sentiasa cuci tangan setelah menggunakan bahan berbahaya; semasa ingin meninggalkan makmal atau sebelum ke tandas.

Penggunaan Peralatan Makmal / Bengkel:

1. Jangan gunakan peralatan makmal/bengkel kecuali anda telah dilatih dan mendapat kebenaran daripada penyelia / pembantu makmal.
2. Sentiasa dapatkan nasihat sekiranya anda tidak pasti cara mengendalikan peralatan di makmal/bengkel. Jangan malu untuk meminta pertolongan kerana pembantu makmal sedia untuk menolong anda.
3. Sekiranya berlaku kerosakan peralatan semasa digunakan, laporkan segera kepada pembantu makmal atau penyelia anda. Jangan sekali-kali cuba menyelesaikan masalah tersebut sendiri kerana anda boleh membahayakan diri sendiri atau orang lain atau menyebabkan lebih banyak kerosakan pada peralatan.
4. Jangan biarkan peralatan digunakan semalam tanpa kebenaran pembantu makmal.